

# UPM-MARDI meterai perjanjian tukar hak milik tanah lebih 242 hektar

PUTRAJAYA 5 Mac - Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian (MARDI) hari ini mencatat sejarah apabila menandatangani memorandum perjanjian pertukaran hak milik tanah melibatkan kawasan lebih 242 hektar.

Majlis memorandum perjanjian pertukaran itu merupakan rentetan perbincangan bagi melancarkan urusan pertukaran hak milik tanah sejak 1972 lagi.

Dalam majlis itu, UPM diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan manakala MARDI diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abdul Shukor Abd. Rahman.

Mohd. Fauzi berkata, berikutan Memorandum Persetujuan 1972 dan 2001, kedua-dua pihak bersetuju memberi kuasa bagi menduduki serta mengutip sebarang hasil, sewaan serta keuntungan daripada penggunaan tanah sementara menunggu proses pertukaran selesai.

"Bangunan pentabiran MARDI pada masa ini terletak di atas tanah UPM dan bukit ekspso serta Pejabat Ladang UPM yang kini menjadi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), dan kawasan sekitarnya pula merupakan tanah MARDI.

"Pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE), Hospital Serdang, kawasan Wetland dan laluan Express Rail Link (ERL) menterasi kedua-dua kawasan telah merubah keluasan asal dalam memorandum sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis pertukaran hak milik itu di Hotel Pullman di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Hashim Abdullah.

Mohd. Fauzi berkata, perjanjian tersebut secara tidak langsung menjadi titik penyelesaian mukamad dalam urusan persempadanan tanah antara MARDI dan UPM.

"Perjanjian baru ini melibatkan pertukaran hak milik tanah yang terdiri daripada tiga fasa. Fasa pertama melibatkan tanah seluas 110.9 hektar bagi UPM dan 102.2 bagi MARDI.

"Fasa kedua pula melibatkan tanah seluas 27 hektar bagi MARDI manakala UPM seluas 19 hektar," katanya.

Beliau menambah, fasa terakhir pula melibatkan penyelesaian melalui kaedah penilaian bagi menentukan nilai pampasan di atas lebihan tanah seluas tujuh hektar.

Sementara itu, Abdul Shukor berkata, kedua-dua pihak secara bersama cuba menyelesaikan hak milik tanah di pejabat tanah dengan cabaran birokrasi, pengumpulan data, dan masalah persempadanan semula daerah Kajang, Sepang, Petaling Jaya serta Putrajaya.

"Dan akhirnya atas semangat kejiranan dan persahabatan kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk menukar tanah secara berfasa," jelasnya.